

TUGASAN CUTI SEKOLAH
910/2 BAHASA MELAYU
GOLONGAN KATA : KATA TUGAS

LATIHAN KATA TUGAS

Soalan Aneka Pilihan

Jawab semua soalan.

1 Yang manakah keterangan yang benar tentang kata tugas?

- I Boleh menjadi inti bagi frasa.
- II Mempunyai fungsi ketatabahasa.
- III Tergolong dalam golongan kata utama.
- IV Sesetengahnya boleh menerima proses morfologi.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

2 Yang manakah padanan yang betul antara fungsi kata tugas mengikut contohnya?

	<i>Fungsi kata tugas</i>	<i>Contohnya</i>
I	Kata sendi nama	Dia sanggup datang <i>kerana</i> ibunya.
II	Kata hubung	Mereka datang <i>dengan</i> menaiki bas.
III	Kata bantu	Abang pulang <i>agak</i> lewat hari ini.
IV	Kata penguat	Orang itu masih <i>lagi</i> degil.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

3

P	Kata bantu ragam
Q	Kata bantu aspek

Padanan yang manakah yang kedua-duanya betul bagi *P* dan *Q* dengan contohnya?

	<i>P</i>	<i>Q</i>
A	Hendak, masih	Belum, sedang
B	Mahu, pasti	Akan, tentu
C	Perlu, dapat	Baru, mula
D	Barangkali, hingga	demi, telah

4 Yang manakah ayat yang mengandungi kata bilangan ordinal?

- A Kedua-dua pelajar itu berjaya dengan cemerlang.
- B Anak saya mendapat nombor tiga dalam ujian percubaan itu.
- C Dalam pertandingan malam tadi Ahmad mendapat tempat kedua.
- D Dia telah menulis enam buah novel yang kesemuanya mendapat pasaran yang baik.

TUGASAN CUTI SEKOLAH
910/2 BAHASA MELAYU
GOLONGAN KATA : KATA TUGAS

5 Yang manakah padanan yang betul antara jenis kata tugas dengan contohnya?

	<i>Kata pangkal ayat</i>	<i>Kata hubung</i>
A	Maka, setelah itu	Yang, sudah
B	Arakian, lalu	Seperti, makin
C	Alkisah, sebermula	Lantas, hingga
D	Syahdan, seketika	Jika, ingin

6 Padanan yang manakah yang betul antara jenis kata tugas dan takrifnya?

<i>Jenis kata tugas</i>		<i>Takrif</i>	
I	Kata penegas	P	Perkataan yang menunjukkan hala atau jurusan.
II	Kata bantu	Q	Perkataan yang menerangkan kata kerja, kata adjektif, dan frasa sendi nama.
III	Kata arah	R	Perkataan yang memberikan makna tambahan dari segi masa dan ragam.
IV	Kata adverba	S	Perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat.

Yang manakah padanan yang betul antara jenis kata tugas dengan takrifnya?

	I	II	III	IV
A	<i>S</i>	<i>R</i>	<i>P</i>	<i>Q</i>
B	<i>R</i>	<i>S</i>	<i>P</i>	<i>Q</i>
C	<i>Q</i>	<i>P</i>	<i>S</i>	<i>R</i>
D	<i>P</i>	<i>Q</i>	<i>R</i>	<i>S</i>

7 Ayat yang manakah yang mengandungi kata kerja yang berfungsi sebagai kata sendi nama?

- I Ahmad melalui lorong itu untuk ke sekolah.
- II Berita gempa bumi di Yogyakarta dihebahkan melalui radio.
- III Dua orang anak Ismail belajar sampai ke peringkat universiti.
- IV Dewan Merdeka sudah penuh apabila saya sampai di dewan itu.

- A** I dan III
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** II dan IV

8 Yang manakah contoh yang betul bagi kata bantu, kata arah, dan kata sendi nama?

	<i>Kata bantu</i>	<i>Kata arah</i>	<i>Kata sendi nama</i>
A	Masih	Dari	Yang
B	Bagi	Ke	Akan
C	Pernah	Penjuru	Terhadap
D	Kerap	Samping	Sambil

TUGASAN CUTI SEKOLAH
910/2 BAHASA MELAYU
GOLONGAN KATA : KATA TUGAS

- 9 Ayat yang manakah yang mengandungi perkataan yang menerima *-nya* sebagai kata pembenda dan kata penekan?
- A Seelok-eloknya kamu buatlah dahulu supaya dia dapat melakukannya kemudian.
 - B Sesungguhnya Tuhan lebih menyayanginya, dan usahlah ditangisi pemergian bapa kamu itu.
 - C Sebenarnya dia menyedari bahawa dia sepatutnya mampu menjadi contoh kepada pelajar-pelajar lain.
 - D Nyamannya udara di atas bukit itu menyebabkan dia biasanya ke sana untuk menghirup udara segar.
- 10 Ayat yang manakah yang menggunakan kata hubung?
- I Bapa saya selalu ke laut untuk memancing ikan di tasik itu.
 - II Kemudahan yang disediakan oleh bank itu penting untuk pelanggan.
 - III Kejadian itu pertama kali berlaku sejak saya berpindah ke kawasan itu.
 - IV Didikan agama penting sebagai benteng demi kesejahteraan generasi muda.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 11 Kumpulan kata terbitan yang manakah yang kesemuanya boleh berfungsi sebagai kata tugas?
- A Seratus, terpenting, sehari
 - B Selain, sesudah, mengenai
 - C Termasuk, terlalu, tersebut
 - D Sehubungan, berkenaan, semenjak
- 12 Ayat yang manakah yang mengandungi kata bantu di depan kata kerja?
- I Kita harus cepat supaya tidak ketinggalan bas.
 - II Dia juga membeli buah tangan di kedai itu.
 - III Adik bongsu saya enggan memakai baju.
 - IV Ramai remaja kini mahu hidup bebas.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 13
- Pada zaman darurat, kehidupan rakyat khususnya yang tinggal di luar bandar memang sukar namun mereka tetap bersyukur.
- Apakah jenis kata hubung yang terdapat dalam petikan di atas?
- A Kata hubung relatif dan kata hubung gabungan
 - B Kata hubung relatif dan kata hubung keterangan
 - C Kata hubung keterangan dan kata hubung gabungan
 - D Kata hubung gabungan dan kata hubung komplemen

**TUGASAN CUTI SEKOLAH
910/2 BAHASA MELAYU
GOLONGAN KATA : KATA TUGAS**

14

<i>Jenis kata bilangan</i>	
I	Bilangan himpunan
II	Bilangan ordinal
III	Bilangan kardinal
IV	Bilangan pisahan

<i>Contoh kata</i>	
P	Masing-masing
Q	Seratus ribu
R	Beribu-ribu
S	Ketujuh

Yang manakah padanan yang betul antara jenis kata bilangan dengan contohnya?

	I	II	III	IV
A	<i>R</i>	<i>S</i>	<i>Q</i>	<i>P</i>
B	<i>Q</i>	<i>R</i>	<i>P</i>	<i>S</i>
C	<i>P</i>	<i>S</i>	<i>Q</i>	<i>R</i>
D	<i>R</i>	<i>P</i>	<i>Q</i>	<i>S</i>

15

Antara faktor berlakunya kemelesetan ekonomi dunia ialah harga petroleum yang belum stabil.

Kata tugas yang manakah yang tidak terdapat dalam ayat di atas?

- A kata sendi nama
- B kata penegas
- C kata hubung
- D kata bantu

16

Gadis itu cantik *bagai* bidadari.

Apakah fungsi perkataan *bagai* dalam ayat di atas?

- I kata hubung
 - II kata penguat
 - III kata sendi nama
 - IV kata perbandingan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

**TUGASAN CUTI SEKOLAH
910/2 BAHASA MELAYU
GOLONGAN KATA : KATA TUGAS**

- 17 Yang manakah ayat yang menggunakan kata nafi dengan betul?
- I Pelajar kelas itu bukan pergi ke perpustakaan.
 - II Golongan tua di daerah itu tidak tahu membaca.
 - III Atlet itu bukan handal sangat tetapi dia bernasib baik.
 - IV Kumpulan haiwan itu tidak dari utara tetapi dari barat daya.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 18 Kata ganda yang manakah yang berfungsi sebagai kata adverba?
- A Budak kecil itu bercakap tersekat-sekat.
 - B Tingkah laku pemuda itu kebudak-budakan.
 - C Banyak lalat menghurung sampah-sarap di situ.
 - D Ketiga-tiga orang perompak itu telah ditangkap polis.

19

Jumlah penganggur dalam kalangan siswazah benar-benar meningkat setiap tahun.

Apakah kata adverba yang terdapat dalam ayat di atas?

- A dalam
 - B setiap
 - C kalangan
 - D benar-benar
- 20 Ayat yang manakah yang mengandungi kata adjektif yang berfungsi sebagai kata adverba?
- A Saya bertemu dengan kawan lama.
 - B Rumah besar di atas bukit itu sudah runtuh.
 - C Pelancong itu pergi segera ke Pulau Pinang.
 - D Wanita itu duduk menyendiri sejak kematian suaminya.

21 Yang manakah kata tugas yang tergolong dalam kelompok kata praklausa?

- I Memang
 - II Bukan
 - III Wajar
 - IV Nian
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

22 Yang manakah contoh yang betul bagi kata penyambung ayat dan kata praklausa?

	<i>Kata penyambung ayat</i>	<i>Kata praklausa</i>
A	Namun, lantas	Usah, aduhai
B	Sungguh, tetapi	Betul, walaupun
C	Hatta, sambil	Nian, pasti
D	Masih, dan	Sampai, wahai

23

**TUGASAN CUTI SEKOLAH
910/2 BAHASA MELAYU
GOLONGAN KATA : KATA TUGAS**

Dia masih belum pandai sangat dalam tugas menyelesaikan masalah itu.

Jenis kata tugas yang manakah yang tidak terdapat dalam ayat di atas?

- A** Kata bantu aspek
- B** Kata bantu ragam
- C** Kata penguat bebas
- D** Kata penguat belakang

24

	<i>Kata tugas</i>		<i>Contohnya</i>
I	Kata perintah	<i>P</i>	Agak, kurang
II	Kata penguat	<i>Q</i>	Harap, sudi
III	Kata sendi nama	<i>R</i>	Hanya, memang
IV	Kata penegas	<i>S</i>	Hingga, pada

Padanan yang manakah yang betul antara jenis kata tugas dengan contohnya?

	I	II	III	IV
A	<i>P</i>	<i>Q</i>	<i>S</i>	<i>R</i>
B	<i>R</i>	<i>S</i>	<i>P</i>	<i>Q</i>
C	<i>Q</i>	<i>P</i>	<i>S</i>	<i>R</i>
D	<i>S</i>	<i>R</i>	<i>Q</i>	<i>P</i>

25 Yang manakah ayat yang mengandungi adverba?

- I Budak itu bercakap perlahan.
- II Lelaki itu bertengkar sebelum keluar.
- III Pengetahuannya tentang tatabahasa luas melaut.
- IV Minuman itu saya beli dari kedai di hujung kampung itu.

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

26 Yang manakah padanan contoh yang betul bagi kata penyambung ayat, kata prafrasa, dan kata praklausa?


	<i>Kata penyambung ayat</i>	<i>Kata prafrasa</i>	<i>Kata praklausa</i>
A	Lagi	Ingin	Bagaimana
B	Nian	Hatta	Sangat
C	Maka	Lantas	Masih
D	Justeru	Manakala	Amboi

Soalan Struktur

TUGASAN CUTI SEKOLAH
910/2 BAHASA MELAYU
GOLONGAN KATA : KATA TUGAS

Jawab semua soalan.

1



Berdasarkan rajah di atas, apakah kelompok kata tugas bagi *P*, *Q* dan *R*?

2

Ayat I : Lelaki itu amat sayang *akan* ibunya.
Ayat II : Lelaki itu *akan* menziarahi ibunya lusa.

Apakah fungsi perkataan *akan* dalam ayat I dan ayat II di atas?

Apakah fungsi

3

Kerajaan menghadapi masalah *untuk* (I) melaksanakan projek di tempat itu. Selain itu, amat sukar *untuk* (II) pihak kerajaan mengajak penduduk bekerjasama sedangkan projek itu *untuk* (III) kemudahan rakyat.

Apakah fungsi perkataan *untuk* dalam ayat di atas?


4

Pelbagai khazanah alam telah musnah sehingga iklim menjadi semakin panas. Apakah yang akan berlaku pada alam ini jika keadaan ini berterusan pada masa yang akan datang?

Apakah jenis kata tugas yang terdapat dalam petikan di atas?

**TUGASAN CUTI SEKOLAH
910/2 BAHASA MELAYU
GOLONGAN KATA : KATA TUGAS**

5



Berdasarkan rajah di atas:

- (a) Apakah golongan kata tugas bagi *P*?
- (b) Apakah jenis kata tugas bagi *Q*, *R* dan *S*?
- (c) Bina satu ayat bagi jenis kata tugas *S*.
- (d) Bina satu ayat bagi jenis kata pangkal ayat.

6

- I Kami akan datang esok.
- II Baju itu masih baharu.
- III Adik belum tidur.
- IV Mereka mungkin ke Melaka.
- V Dia enggan mengikuti perintah kami.
- VI Sebagai ketua awak harus adil dan saksama.

Namakan jenis-jenis kata bantu dalam ayat-ayat di atas.

7

X = Merupakan Y = Dalam

Buat dua ayat untuk setiap *X* dan *Y* untuk menunjukkan bahawa *X* dan *Y* boleh menduduki dua golongan kata yang berbeza, dan nyatakan golongan serta jenis kata itu.

X-MERUPAKAN

- **Kata pemerli** – Beras *merupakan* makanan utama penduduk di negara ini.
- **Kata kerja** – Puteri Gunung Ledang *merupakan* dirinya seperti perempuan tua.

Y- Dalam

- **Kata Sendi Nama** – Pelajar asing itu dapat berbicara *dalam* bahasa Melayu.
- **Kata Adjektif** – Perigi itu sangat *dalam*.

**TUGASAN CUTI SEKOLAH
910/2 BAHASA MELAYU
GOLONGAN KATA : KATA TUGAS**

8

- I Mereka *akan* hadir lusa.
- II Dia memang amat sayang *akan* anaknya itu.
- III Wang itu *untuk* orang tuanya di kampung.
- IV Begitu sukar *untuk* dia menerima kenyataan.

Nyatakan fungsi kata yang berhuruf condong dalam ayat di atas.


9

Mereka lari lintang-pukang dalam keadaan terlalu takut ketika saya dan Cikgu Azmi sampai. Kami dekati mereka untuk bertanya sebab mereka berasa takut. Mereka memberitahu bahawa mereka dikejar oleh penjahat.

Kenal pasti kata tugas dalam petikan di atas, dan nyatakan kelompok, dan jenis kata tugas tersebut.

<i>Kata tugas</i>	<i>Kelompok kata tugas</i>	<i>Jenis kata tugas</i>
(i) (ii) (iii) (iv) (v) (vi) (vii)		

10



Berdasarkan rajah di atas:

- (a) Namakan *R*.
- (b) Beri dua contoh perkataan bagi jenis kata prafrasa.
- (c) Bina satu ayat yang mengandungi contoh bagi *(P)*.
- (d) Beri tiga jenis kata yang terdapat dalam kelompok kata praklausa. Kemudian, bina satu ayat bagi setiap jenis tersebut.

**TUGASAN CUTI SEKOLAH
910/2 BAHASA MELAYU
GOLONGAN KATA : KATA TUGAS**